

# BAHASA MELAYU



 [saujana.sg](http://saujana.sg)


PENGGOLONGAN KATA

kata ganti nama orang

## MOHAMED NAIM DAUPI



ialah kata yang mengambil tempat kata nama sebagai pengganti



## KATA GANTI NAMA DIRI



# 1 KATA GANTI NAMA DIRI ORANG PERTAMA

mengacu percakapan pada diri sendiri

## TUNGGAL

Saya  
Aku  
Beta  
Hamba  
Patik  
Daku

## JAMAK

Kami  
Kita

## TUNGGAL

## AKU

mengacu percakapan kepada diri sendiri tatkala bercakap dengan kenalan yang sangat rapat atau mesra dan dengan Tuhan

- 1 **Aku** akan menyertai temasya itu.
- 2 "Ya Allah, ampunilah **aku**," doanya.
- 3 Jangan tuduh **aku** sebarangan.

TUNGGAL

SAYA

mengacu percakapan kepada diri sendiri tatkala bercakap dengan kenalan baru atau orang lain, yang umunya dihormati.

- 1 **Saya** tinggal berdekatan dengan sekolah.
- 2 Usia bapa **saya** sebaya pak cik.
- 3 **Saya** bersyukur kerana tuan telah menolong **saya** sekeluarga.

## TUNGGAL

## BETA

mengacu percakapan kepada diri sendiri (sebagai raja, sultan, atau kerabat diraja tatkala bertitah kepada rakyat.

- 1 **Beta** akan berangkat ke negara Antah Berantah.
- 2 Datanglah ke istana **beta** untuk mendapatkan habuan.
- 3 Jangan kamu memperbodoh-bodoh **beta**.

## TUNGGAL

## HAMBA

mengacu percakapan kepada diri sendiri tatkala bercakap kepada kenalan atau orang lain, pada zaman dahulu.

- 1 **Hamba** memang bernasib malang pada hari itu.
- 2 **Hamba** tidak berniat jahat.
- 3 **Hamba** akan berguru bersama dengan tuan hamba.

## TUNGGAL

## PATIK

mengacu percakapan kepada diri sendiri (sebagai rakyat) tatkala bercakap kepada raja, sultan, atau kerabat diraja.

- 1 **Patik** tidak akan menderhaka kepada tuanku.
- 2 Ampunilah **patik**, tuanku.
- 3 **Patik** berterima kasih akan kurnia tuanku itu.

**TUNGGAL****DAKU**

digunakan dalam tulisan atau nyanyian sebagai objek kata kerja transitif yang diakhiri huruf n atau didahului dengan kata sendi nama. Daku tidak digunakan di hadapan ayat.

- 1 Janganlah engkau meninggalkan **daku**.
- 2 Nasibmu tidak sama dengan **daku**.
- 3 Kasihani akan **daku**.

**JAMAK****KAMI**

mengacu percakapan kepada diri sendiri dan temannya tatkala bercakap dengan orang lain.

- 1 **Kami** menyokong pandangan yang bernas itu.
- 2 Jangan cuba memperorak-perandakan desa **kami**.
- 3 Rumah **kami** itu akan dijual kepada hartawan itu.

JAMAK

KITA

mengacu percakapan kepada diri sendiri dan menyertakan orang yang diajak berbicara.

- 1 **Kita** mesti mempertahankan negara kita.
- 2 **Kita** akan berjaya jika **kita** bersungguh-sungguh.
- 3 Abang **kita** terkorban dalam peperangan itu.

## Apakah salahnya?

- 1 Wanita itu menyuruh daku memetik bunga itu.
- 2 Daku sedih mengenang peristiwa itu.
- 3 Ampunilah daku yang tidak bersalah ini.
- 4 Aku simpati akan nasib pak cik.
- 5 Ibu, aku berjanji akan menjagamu dengan baik.
- 6 "Ini rumah kita," kata Amran dan Yahya kepada Yazid.
- 7 "Kita belum makan lagi," kata Amin kepada Yani.

## Panduan

- 1 Elakkan penggunaan 'aku' ketika bercakap dengan
  - seseorang yang belum mesra dengan anda.
  - seseorang yang lebih tua usianya
  - seseorang yang perlu dihormati.
- 2 Kami bermaksud 'saya dan dia' ketika bercakap dengan orang lain.
- 3 Kita bererti 'saya dengan anda' ketika bercakap dengan orang berkenaan.

**Latihan.**

Isikan tempat kosong dengan kata ganti nama diri orang pertama yang sesuai.

- 1 “Ampunilah \_\_\_\_\_.” rayu Dang Anum kepada Sultan.
- 2 \_\_\_\_\_ hendak berkunjung ke rumah Bendahara.
- 3 \_\_\_\_\_ akan ke rumahmu malam ini.
- 4 \_\_\_\_\_ hendak meminjam buku di perpustakaan itu.
- 5 \_\_\_\_\_ mesti mempertahankan negara kita.
- 6 “\_\_\_\_\_ adik-beradik,” kata Penghulu kepada Ali dan Ami.
- 7 “\_\_\_\_\_ hendak melawat ke desa itu, esok.” perintah sultan.

## 2 KATA GANTI NAMA DIRI ORANG KEDUA

mengacu percakapan kepada orang yang diajak berbicara

### TUNGGAL

Awak  
Engkau  
Dikau  
Tuanku

### JAMAK

Kalian

### KEDUA-DUANYA

Anda  
Kamu

**TUNGGAL DAN JAMAK****ANDA**

mengacu percakapan kepada seseorang yang tidak menentu (boleh wujud di hadapan pembicara atau sebaliknya) dan bersifat tidak terlalu formal.

- 1 **Anda** perlu meminta izin untuk masuk ke dewan ini.
- 2 Jagalah kata-kata **anda** agar tidak menyinggung orang.
- 3 Yang mana satukah dokumen **anda**?

**TUNGGAL DAN JAMAK****KAMU**

mengacu percakapan kepada seseorang yang rapat dengan kita atau yang lebih muda

- 1 **Kamu** memang anak yang baik.
- 2 Semak jawapan sebelum **kamu** menyerahkan semula kepada guru pengawas.
- 3 Jagalah nama baik sekolah **kamu**.

**TUNGGAL****AWAK**

mengacu percakapan kepada seseorang yang sangat rapat dengan pembicara atau kepada orang bawahan.

- 1 "Saya hendak berjumpa **awak**," kata pengurus.
- 2 Kalau **awak** benar, janganlah takut.
- 3 **Awak** hendak masak apa hari ini?

**TUNGGAL****EN GKAU**

mengacu percakapan kepada seseorang yang rapat dengan pembicara atau merujuk Tuhan.

- 1 **Engkau** hendak ke mana?
- 2 Markah **engkau** meningkat atau menurun?
- 3 Ya, Allah, kepada **Engkau**lah aku berserah

**TUNGGAL****DIKAU**

digunakan dalam tulisan atau nyanyian sebagai objek kepada kata sendi atau kata kerja transitif yang diakhiri huruf n.

- 1 Setiap hari, aku terkenang akan **dikau**.
- 2 Aku bersetuju dengan **dikau**.
- 3 Semoga kata-katanya menyenangkan **dikau**.

**TUNGGAL****TUANKU**

mengacu percakapan kepada seseorang yang bertaraf raja, sultan, atau kerabatnya.

- 1 Kurnia **tuanku**, patik junjung tinggi.
- 2 **Tuanku** sudah santap?
- 3 Patik akan pergi dengan keizinan **tuanku**.

**JAMAK****KALIAN**

mengacu percakapan kepada beberapa orang yang kurang tinggi statusnya atau lebih muda daripada pembicara

- 1 **Kalian** tentu percaya akan percakapanku ini.
- 2 Bilakah **kalian** akan ke rumah saya.
- 3 Saya berterima kasih akan keramahan **kalian**.

## KATA GANTI NAMA DIRI (ORANG KEDUA)

### Apakah salahnya?

- 1 Dikau tidak melakukannya dan mengapa pula dikau mengaku salah.
- 2 Kami tidak percaya kata-kata dikau.
- 3 "Kalian hendak ke mana?" tanyaku kepada Ali.
- 4 Awaklah Tuhan yang maha esa.
- 5 "Anda hendak ke mana?" tanyaku kepada orang tua itu.
- 6 Wanita tua itu tersenyum kepadaku lalu berkata, "Kalian memang anak yang baik."

## Panduan

- 1 Kata bilangan boleh diikuti dengan kata ganti nama diri orang kedua sekiranya jumlah orang yang diacu bercakap lebih daripada seorang:  
kamu berlima                      awak semua  
anda sekalian                      kamu sekalian
- 2 Bagi menunjukkan kesopanan, sebutlah nama rakan sebaya ganti kata awak, engkau dan kamu. Awak sedang berbuat apa, Kasim? sebaiknya Kasim sedang berbuat apa?
- 3 Kecuali tuanku, kata ganti jenis ini tidak boleh digunakan untuk orang yang dihormati atau lebih tua.

**Latihan:**

- 1 “Bilakah \_\_\_\_\_ hendak berjumpa dengan pengetua sekolah itu?” tanya Jamal kepada Ali.
- 2 “Mengapakah \_\_\_\_\_ masih berbuat nakal lagi?” Kata Pak Yazid kepada anaknya.
- 3 Sudahkah \_\_\_\_\_ memulangkan barang yang kaupinjam daripada Salam.
- 4 Jika \_\_\_\_\_ berani, tentanglah saya.
- 5 Aku mimpi akan \_\_\_\_\_ pada malam tadi.

### 3 KATA GANTI NAMA DIRI ORANG KETIGA

mengacu percakapan kepada orang  
yang diperkatakan pembicara

#### TUNGGAL

Dia  
Ia  
Baginda  
Beliau

#### JAMAK

Mereka

TUNGGAL

DIA

mengacu percakapan tentang seseorang yang umum sifatnya.

- 1 **Dia** hendak melancong ke Pulau Pinang.
- 2 Berikan wang itu kepada **dia**.
- 3 Hanya **dia** seorang yang gagal peperiksaan.

## TUNGGAL

## IA

mengacu percakapan tentang seseorang yang umum sifatnya, seperti dia. Kata Ganti ia, tidak digunakan pada perkara-perkara lain, selain merujuk orang.

- 1 **ia** belum mengisi borang keahlian.
- 2 **ia** akan menemui Cikgu Hasyim, esok.
- 3 **ia** sihat dan sejahtera.

## TUNGGAL

## BELIAU

mengacu percakapan tentang seseorang yang lebih tua, dihormati, atau statusnya lebih tinggi daripada pembicara

- 1 **Beliau** akan ke Makkah pada tahun hadapan.
- 2 Walaupun usianya sudah lanjut, penglihatan **beliau** masih jelas.
- 3 Kami akan menyiarkan makalah tersebut jika mendapat keizinan **beliau**.

## TUNGGAL

## BAGINDA

mengacu percakapan tentang seseorang yang bertaraf raja, sultan, atau kerabat diraja.

- 1 **Baginda** akan melawat ke Thailand, lusa.
- 2 Istana **baginda** akan dibaik pulih.
- 3 Hal ehwal agama Islam urusan **baginda**.

JAMAK

MEREKA

mengacu percakapan tentang beberapa orang yang sifatnya tidak menentu.

- 1 **Mereka** akan bergotong-royong membersihkan sekitaran pusara itu.
- 2 Tempat kediaman **mereka** akan diubah elok dalam bulan Jun akan datang.
- 3 Walaupun tidak sebesar negara **mereka**, negara kami aman dan makmur.

**PANDUAN:**

- ❑ Kata beliau tidak boleh digunakan kepada orang yang tidak dihormati, statusnya tidak tinggi, dan untuk Binatang.
- ❑ Kata ganti dia, ia, dan mereka pun tidak boleh digunakan untuk benda, mahupun binatang.
- ❑ Kata ganti ia boleh bertugas sebagai subjek tetapi tidak boleh digunakan sebagai objek kepada kata sendi atau kata kerja transitif.
- ❑ Kata ganti ia tidak boleh bertugas sebagai penerang kepada kata nama sebelumnya.
- ❑ Oleh sebab kata ganti mereka sudah berupa jamak, kata tersebut tidak perlu digandakan.

## Apakah Salahnya?


- 1 Beliau dijatuhi hukuman gantung sampai mati kerana mengedar dadah.
- 2 Beliau dan beruk yang satu lagi saya gunakan untuk memetik kelapa.
- 3 Sutan mengurung kucing dia di kurungan itu.
- 4 Ayah ia sudah berpulang ke rahmatullah.
- 5 Mereka-mereka yang tidak menghantar tugas akan didenda oleh Cikgu Hasyim.
- 6 Buku yang dipinjam dari perpustakaan itu belum dibaca ia.
- 7 Walaupun diperbuat daripada kayu, ia tahan lama.

**Latihan:**

- 1 \_\_\_\_\_ telah berangkat ke tanah suci pada dua hari yang lalu.
- 2 Saya dan \_\_\_\_\_ telah sepakat untuk pergi berkhemah di Changi.
- 3 \_\_\_\_\_ telah didenda pengetua kerana menconteng dinding sekolah.
- 4 \_\_\_\_\_ telah dilantik pemerintah untuk menjadi dubes ke Brazil.
- 5 \_\_\_\_\_ berlima telah menghancurkan sekumpulan lanun.
- 6 \_\_\_\_\_ yang terlibat akan dihukum dengan seberat-berat hukuman


# KATA GANTI NAMA

ialah kata yang mengambil tempat kata nama sebagai pengganti



**KATA GANTI NAMA DIRI (SINGKAT)**  


- Bentuk kata ganti diri disebut juga klitika dan dianggap sebahagian orang sebagai imbuhan - sebab sifatnya yang terikat.
  
- Bentuk kata ganti diri dapat disingkatkan seperti:
  - aku berubah menjadi ku
  - kamu berubah menjadi mu
  - dia atau ia berubah menjadi nya
  - engkau berubah menjadi kau
  
- Penggunaan kata ganti diri singkat sama dengan penggunaan kata panjangnya.

**KATA GANTI NAMA DIRI (SINGKAT)****KU****boleh digunakan sebagai awalan dan akhiran**

- Wangku itu diambilnya tanpa pengetahuanku.
- Dialah yang mengurus kewangan syarikatku.
- Orang tua itu sering menasihatiku.
- Lukisan yang kubeli itu berharga seribu dolar.
- Surat yang kutulis ini untuk anakku di London.
- Akan kuhadapi segala pancaroba ini dengan tabah.

**KATA GANTI NAMA DIRI (SINGKAT)****MU**

digunakan sebagai  
akhiran sahaja

- Tayar basikalmu pancit.
- Bukumu telah kuserahkan kepada Cikgu.
- Hadiah ini kubeli untuk ibumu.
- Izinkan aku bermalam di rumahmu, semalam dua.
- Aku datang hendak mengajakmu ke pesta itu.
- Mengapakah dia tidak menyapamu, tadi?

**KATA GANTI NAMA DIRI (SINGKAT)****KAU**

**digunakan di awal kata  
sahaja sebagai awalan**

- Karangan yang kautulis itu sungguh panjang.
- Kes itu kauadili dengan saksama.
- Lelaki yang kautegur tadi, ayah saudaraku.
- Pakaian yang kaupakai ini berjenama.
- Filem yang kautonton ini berunsur ganas.
- Duit yang kauhitung ini duit siapa?

**KATA GANTI NAMA DIRI (SINGKAT)****NYA**

**digunakan di akhir kata sahaja  
sebagai akhiran**

- Surat itu telah ditaipnya, semalam.
- Rumahnya telah dijilat api.
- Ibunya telah dimasukkan ke wad kecemasan.
- Jika tidak berhalangan, saya akan melamarnya.
- Saya tidak berniat hendak menghinanya.
- Saya menghantarnya hingga ke muka pintu.

**KATA GANTI NAMA DIRI (SINGKAT)****Panduan :**

- 1 Kata ganti singkat ku dan kau sebagai awalan hendaklah ditulis bersambung dengan kata yang mengikutinya.
- 2 Kata ganti singkat ku dan kau tidak boleh bertugas sebagai subjek dalam sesuatu ayat.
- 3 Kata ganti singkat sebagai akhiran tidak boleh dijarakkan daripada kata yang menyertainya.

**KATA GANTI NAMA DIRI (SINGKAT)****Latihan:**

- 1 Di manakah abang \_\_\_\_\_ tinggal sekarang?
- 2 Pondok \_\_\_\_\_ itu hampir roboh.
- 3 Bunga yang \_\_\_\_\_ petik itu sudah layu.
- 4 Buku yang \_\_\_\_\_ tulis itu sudah diterbitkan.
- 5 Sekolah \_\_\_\_\_ tidak jauh dari kompleks sukan itu.
- 6 Apakah hajat \_\_\_\_\_ datang ke rumahku?
- 7 Adik bongsu \_\_\_\_\_ sering dipukul budak itu.

**KATA GANTI NAMA DIRI (SINGKAT)**

**Kata Ganti Nama Singkat ku, mu dan nya untuk mengganti nama Tuhan mestilah dimulakan dengan huruf besar dan diberi tanda sempang.**

- 1 Aku serahkan jiwa ragaku untuk-Mu, ya Allah!
- 2 Kepada-Nya kita memohon dan kepada-Nya juga kita berserah.
- 3 Kurniakanlah hidayah-Mu, ya Allah.
- 4 "Bertaqwalah kepada-Ku," sabda Tuhan.
- 5 Daripada-Nya kita datang dan kepada-Nya kita kembali.

**TAMAT**